

Ruj. Fail : MBSJ.KP.100-6/1/1()

**MINIT MESYUARAT PENUH
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA
BIL. 3 TAHUN 2022**

Tarikh : 23 Mac 2022 (Rabu)

Masa : 10.00 pagi – 11.30 pagi

Tempat : Bilik Mesyuarat Kenanga

Kehadiran : Seperti di Lampiran A

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Encik Mohd Amizi bin Aminuddin, Penolong Pegawai Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan.

2.0 TAYANGAN PROGRAM MAJLIS BULAN MAC 2022

Tayangan video sorotan program dan aktiviti sepanjang bulan Mac 2022 dipaparkan kepada ahli mesyuarat.

3.0 PERUTUSAN DATUK BANDAR

Datuk Bandar memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat kali ini

merupakan Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya kali yang ketiga tahun 2022. Seterusnya pemakluman beberapa perkara seperti berikut :

- i) Larangan menggunakan peralatan komunikasi semasa mesyuarat berlangsung.
- ii) Pengisytiharan kepentingan peribadi bagi Mesyuarat Penuh. Semua ahli mesyuarat diwajibkan mengisytihar kepentingan peribadi ke atas sebarang keputusan yang dibincangkan serta hendaklah berkecuali dengan menyatakan kepentingan dan berundur diri seketika semasa perbincangan. Selaras dengan keputusan Mesyuarat MMKN bil 21/2018, Ahli Majlis diminta mengisi borang Pengisytiharan Kepentingan Ahli Mesyuarat setiap kali mesyuarat diadakan.
- iii) Datuk Bandar memaklumkan perkara berkaitan Fasa Peralihan ke Endemik yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob bahawa Malaysia akan memasuki fasa 'peralihan ke endemik' bermula 1 April 2022.

Peralihan fasa ini merupakan *exit strategy* bagi membolehkan rakyat menjalani kehidupan hampir normal. Keputusan itu dibuat setelah mengambil kira pelbagai faktor termasuk penilaian risiko, pandangan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan meneliti syor daripada Menteri Kuartet yang terdiri daripada Menteri Kanan

Pertahanan, Menteri Kesihatan, Menteri Kewangan serta Menteri Komunikasi dan Multimedia.

Bermula 1 April ini, walaupun terdapat beberapa kelonggaran telah diumumkan seperti waktu beroperasi bagi premis perniagaan dimansuhkan, aktiviti solat jemaah di masjid, surau dan upacara sembahyang di rumah ibadat bagi yang bukan Islam boleh dilaksanakan tanpa penjarakan fizikal, kebenaran merentas negeri serta sempadan negara dibuka namun rakyat diingatkan supaya tidak leka dan patuh dengan cara hidup baharu yang ditetapkan dan pemakaian pelitup muka di tempat-tempat awam masih wajib dipatuhi oleh setiap individu.

MBSJ menyambut baik pengumuman tersebut dan akan memastikan pengoperasian Majlis berjalan lancar. Operasi bagi premis perniagaan dibenarkan mengikut syarat lesen yang diberikan dan pengoperasian Bazar Ramadan MBSJ juga akan diuruskan dengan SOP yang telah ditetapkan. Perhimpunan bulanan serta mesyuarat di Majlis juga akan dilaksanakan secara bersemuka namun pematuhan SOP masih dilaksanakan bagi memastikan penularan Covid-19 dapat diminimumkan.

- iv) Datuk Bandar juga memaklumkan bahawa MBSJ telah meningkatkan tahap siap siaga dalam menghadapi perubahan monsun serta bencana alam yang semakin kerap berlaku di kawasan pentadbiran MBSJ.

Antara persediaan yang telah dilaksanakan adalah membuat penambahan aset baharu untuk bantuan bencana dengan membeli 3 buah bot penyelamat yang memenuhi spesifikasi operasi penyelamat bencana serta tahan lasak, penyelenggaraan aset-aset Pasukan PANTAS MBSJ juga turut di laksanakan secara berkala supaya sentiasa berada dalam keadaan baik dan sedia untuk digunakan serta mengadakan kursus serta latihan berterusan untuk meningkatkan kecekapan Anggota PANTAS dari semasa ke semasa.

Selain daripada itu juga, MBSJ turut membuat pemantauan dan penyelenggaraan kawasan *hotspot* bencana seperti kawasan risiko tanah runtuh, banjir dan pokok tumbang serta meningkatkan sistem amaran paras air di 4 lokasi sedia ada iaitu di kawasan IOI Puchong, USJ 8, USJ 13, dan Taman Paik Siong. MBSJ dalam proses menambah 10 lagi lokasi penempatan sistem amaran awal banjir.

MBSJ juga mewujudkan sistem komunikasi menerusi *whatsapp group* dengan semua Majlis Perwakilan Penduduk, Ahli Majlis, Penghulu, Ketua Kampung serta agensi-agensi berkaitan bagi menyalurkan maklumat terkini bencana. Sehingga kini, MBSJ telah menyediakan 18 Dewan dan 70 Balai Masyarakat yang boleh dijadikan sebagai pusat pemindahan sementara dan bantuan penduduk sekiranya berlaku sebarang bencana.

v) Seterusnya beliau memaklumkan mengenai program-program rasmi yang akan berlangsung pada bulan Mac 2022, seperti berikut:

- Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang MBSJ 2021 akan diadakan pada 25 Mac 2022, hari Jumaat jam 8.00 malam bertempat di Dewan Ballroom Shah Alam 2, Shah Alam Convention Centre (SACC). Seramai 118 orang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, 12 orang pesara dan 9 orang penerima Anugerah Khas. Tetamu kehormat bagi Majlis ini adalah Yang Amat Berhormat Dato' Seri Amirudin bin Shari, Menteri Besar Selangor.
- Perasmian Rumah Contoh Kaum Temuan di Perkampungan Orang Asli Sungai Rasau Hilir, Puchong akan diadakan pada 2 April 2022 (Sabtu) jam 9.00 pagi hingga 11.30 pagi bertempat di Dataran Perkampungan Orang Asli Kampung Sungai Rasau Hilir, Puchong.

Majlis ini akan dirasmikan oleh Yang Berhormat Tuan Hee Loy Sian, Exco Pelancongan dan Alam Sekitar. Objektif Majlis ini dilaksanakan adalah sebagai tanda penghargaan Majlis kepada pihak Orang Asli Kaum Temuan di Kampung Sungai Rasau Hilir, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Jabatan Kemajuan Orang Asli, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia dan rakan-rakan

sinergi yang lain dalam membantu MBSJ memartabatkan warisan seni budaya bangsa.

- Program Bazar Ramadan MBSJ Tahun 2022 merupakan tahun kedua Bazar Ramadan secara norma baharu yang akan dilaksanakan di peringkat MBSJ. Walaupun pelaksanaan Bazar Ramadan dalam tempoh endemik, ia bukan sesuatu yang mudah kerana memerlukan komitmen dan kerjasama yang tinggi daripada semua pihak. Pematuhan SOP perlu dititikberatkan untuk memastikan ekonomi yang di jana tidak memudaratkan kesihatan setempat.

Pada tahun ini, terdapat sebanyak 16 lokasi Bazar Ramadan MBSJ melibatkan seramai 764 peniaga yang berjaya. Data terkini menunjukkan sebanyak 803 tapak niaga telah disediakan dengan mengambil kira penjarakan tapak niaga mengikut SOP Covid-19.

Terdapat 4 program inisiatif hijau yang akan dilaksanakan oleh MBSJ di Bazar Ramadan antaranya adalah :

- a) Kempen Bebas Polisterina / *stereo foam* dan penggunaan penyedut minuman plastik. Pihak Majlis tidak membenarkan penggunaan bekas makanan jenis polisterina termasuk penggunaan penyedut minuman

jenis plastik disediakan kepada pengunjung di Bazar Ramadan MBSJ.

- b) Kempen Sayangi Bumi Kita (Bebas plastik, pengunjung bawa bekas sendiri ke bazar). Pada tahun ini MBSJ akan memberikan baucar kepada 1000 pengunjung yang membawa bekas makanan sendiri ketika berkunjung ke 16 lokasi Bazar Ramadan MBSJ. Kempen ini akan dilaksanakan pada setiap hari Rabu.

Kempen bawa dan menang ini merupakan salah satu inisiatif yang dilaksanakan oleh pihak Majlis untuk menggalakkan lebih ramai pengunjung membawa bekas makanan sendiri dalam usaha mengurangkan penggunaan plastik ketika membeli belah di Bazar Ramadan. Dengan usaha tersebut, pengunjung akan berpeluang menerima baucar bernilai RM 5.00 mengikut terma "*first come first serve*" di semua lokasi bazar mengikut agihan yang ditetapkan.

Pemberian baucar boleh ditebus di semua gerai Bazar Ramadan yang memiliki permit bazar Ramadan yang sah di lokasi bazar yang mengeluarkan baucar tersebut sahaja. Inisiatif ini sekaligus akan memberikan manfaat bukan sahaja kepada pengunjung tetapi juga kepada peniaga.

- c) Kempen Transaksi Tanpa Tunai (*Cashless*) di Bazar Ramadan. Dalam senario sekarang, masyarakat perlu sedia berhadapan dengan dunia digital dan salah satunya adalah transaksi tanpa tunai (*cashless*).

Oleh itu, bagi mengurangkan penularan jangkitan covid 19, MBSJ telah melaksanakan langkah proaktif pada Bazar Ramadan tahun ini dengan mewajibkan semua peniaga menyediakan alternatif pembayaran menggunakan transaksi tanpa tunai. Setiap peniaga diwajibkan untuk mempamerkan jenis saluran *cashless* atau *e-wallet* yang boleh digunakan oleh pengunjung di gerai masing-masing.

Pihak Majlis akan membuat semakan dan pemantauan bagi memastikan semua peniaga menyediakan kemudahan *e-wallet* di gerai masing-masing. Pengunjung juga digalakkan untuk membuat bayaran tanpa tunai semasa membeli juadah di Bazar Ramadan MBSJ.

- d) MBSJ turut melaksanakan Kempen Kitar Semula Minyak Masak Terpakai kepada para peniaga di Bazar Ramadan MBSJ. Tong kitar semula minyak masak akan disediakan di 10 lokasi terpilih Bazar Ramadan

untuk kemudahan peniaga dan akan diuruskan oleh Jabatan Pengurusan Alam Sekitar MBSJ. Lokasi penempatan tong kitar semula minyak masak adalah di Taman Seri Serdang (Jalan 18/35), Bandar Kinrara 5 (Jalan BK 5A/1), USJ 4, Subang Jaya (Jalan USJ 4/5), Taman Puchong Perdana (Jalan Perdana 2), Taman Equine, Seri Kembangan (Jalan PP 1B), Taman Puncak Jalil (Jalan PUJ 3/1), USJ 7, Subang Jaya (hadapan Gerai Majlis USJ 7), Bandar Bukit Puchong (Jalan BP 7), Dataran Niaga Puchong Permai (Persiaran Puchong Permai) dan Taman Puchong Utama (Jalan PU 7/2).

- MBSJ akan melaksanakan Program Semarak Ramadan Sepanjang Bulan Ramadan 2022 /1443H. Program ini diadakan untuk menyemarakkan lagi bulan Ramadan dengan aktiviti di surau dan masjid-masjid di samping memberi sumbangan berupa makanan masakan tradisi.

Pelaksanaan program melibatkan ceramah atau usrah agama, moreh, makanan dan minuman untuk berbuka puasa, aktiviti memasak dan memberi sumbangan makanan tradisi seperti dodol, bubur lambuk, ketupat, lemang, wajik dan lain-lain yang bersesuaian.

- vi) Datuk Bandar juga memaklumkan mengenai situasi semasa demam denggi di MBSJ. Sehingga Minggu Epid 11 iaitu sehingga

19 Mac 2022, terdapat sebanyak 549 kes positif demam denggi dilaporkan di kawasan pentadbiran MBSJ. Terdapat 2 lokaliti hotspot denggi iaitu di USJ 11/2 dengan 11 kes positif demam denggi dilaporkan dan di USJ 2/5 dengan 20 kes positif demam denggi dilaporkan.

Hasil pemantauan di lokaliti-lokaliti kes demam denggi didapati antara tempat-tempat yang kerap dijumpai tempat pembiakan adalah di lorong-lorong belakang dan juga di kebun-kebun komuniti yang diusahakan oleh penduduk setempat.

Sehubungan dengan itu, masyarakat diminta untuk terus memastikan persekitaran bersih dan meluangkan masa 10 minit seminggu sekali untuk mencari dan memusnahkan tempat-tempat pembiakan nyamuk aedes di dalam dan sekitar premis masing-masing.

- vii) Bagi pemakluman berkaitan situasi semasa kes Covid 19 sehingga 21 Mac 2022, data daripada Kementerian Kesihatan Malaysia menunjukkan terdapat 4,010,952 kes kumulatif positif Covid 19 dilaporkan di Malaysia.

Sejak pandemik Covid 19 ini bermula dan sehingga 19 Mac 2022 menunjukkan sebanyak 583 kes positif Covid 19 telah dilaporkan di kalangan kakitangan MBSJ. Manakala bagi data semasa, iaitu pada 19 Mac 2022 terdapat 59 kes positif aktif di

kalangan kakitangan MBSJ dan kesemuanya sedang menjalani kuarantin di rumah.

Walaupun telah menerima vaksinasi lengkap, masyarakat diminta untuk tidak leka dan terus mematuhi SOP yang telah ditetapkan dengan mengelakkan 3S (Sesak, Sempit, Sembang Dekat) dan mengamalkan 3W iaitu *Wash* (kerap basuh tangan atau menggunakan *hand sanitizer*), *Wear* (digalakkan memakai pelitup mulut dan hidung), *Warn* (tidak bersalaman serta mengamalkan etika batuk dan bersin, melaksanakan disinfeksi serta periksa suhu badan).

- viii) Datuk Bandar merakamkan salam takziah kepada keluarga Allahyarham Muhd Suffri bin Mohamed Yusof, Anggota Penguatkuasa Pelesenan MBSJ yang telah kembali ke rahmatullah pada 21 Mac 2022. Semoga roh arwah dicucuri rahmat Allah S.W.T dan diberi ketabahan serta kesabaran kepada ahli keluarga.

- ix) Seterusnya beliau mengambil kesempatan mengucapkan salam Ramadan Al Mubarak dan Selamat Menunaikan Ibadah Puasa kepada seluruh warga kerja MBSJ dan penduduk di kawasan pentadbiran Majlis yang beragama Islam.

4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 2/2022

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 2/2022 bertarikh 23 Februari 2022 (Rabu) disahkan tanpa pindaan.

5.0 MAKLUM BALAS MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 2/2022

Maklum balas Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 2/2022 bertarikh 23 Februari 2022 (Rabu) disahkan dengan cadangan berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 6.3 & m/s 1	Encik Yap Kok Weng	Sesi <i>Town Hall</i>	Beliau memaklumkan bahawa sesi <i>town hall meeting</i> bersama penduduk di kawasan perumahan TK 5 akan diadakan pada 30 Mac 2022. Oleh itu, di mohon notis pemakluman dan hebahan dapat dilaksanakan dengan menyeluruh kepada penduduk sekitar.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>Maklum balas mesyuarat :</p> <p>Mesyuarat meminta notis pemakluman dan hebahan menyeluruh dibuat dengan segera.</p> <p>Tindakan : Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik</p>

6.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA

6.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 3/2022 bertarikh 15 Februari 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti berikut:

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Hal-hal lain	Tuan Ar. Kamarul	Hal-hal lain	Beliau mencadangkan perkara berikut:

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
		<p>Hisham bin Hj.Yeop Hashim</p>		<p>i) Meminta supaya maklumat berkaitan kertas kerja Mesyuarat Jawatankuasa OSC turut diedarkan kepada Ahli Majlis kawasan yang terlibat.</p> <p>ii) Ahli Majlis kawasan yang terlibat dengan projek pembangunan di kawasan mereka dibenarkan hadir ke Mesyuarat Jawatankuasa OSC sebagai pemerhati.</p> <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat memutuskan cadangan ini di ambil maklum dan akan dibincangkan dengan lebih lanjut di dalam Mesyuarat</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>Jawatankuasa OSC akan datang.</p> <p style="text-align: center;">Tindakan : Jabatan OSC</p>
2.	Para 5.7 & m/s 33	Encik Yap Kok Weng	<p>Kertas Kerja : 21/03/11/2022 (Permohonan Serentak = Kebenaran Merancang + Pelan Kerja Tanah) Untuk : Uni Vista Sdn.Bhd.</p>	<p>Beliau memaklumkan bahawa, semasa mesyuarat OSC yang lepas perbincangan bagi projek pembangunan Pangsapuri Harga Bebas daripada Uni Vista Sdn. Bhd. menyatakan bahawa pemaju Uni Vista Sdn. Bhd. akan menanggung bersama kos pembinaan <i>fly over</i> di Jalan Besar Seri Kembangan. Namun demikian, perkara ini tidak dicatatkan dalam minit mesyuarat dan beliau memohon dilaksanakan pembetulan minit mesyuarat.</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat memutuskan cadangan ini di ambil maklum dan akan dibincangkan semula di dalam Mesyuarat Jawatankuasa OSC akan datang.</p> <p>Tindakan : Jabatan OSC</p>

6.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 4/2022 bertarikh 4 Mac 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 2/2022 bertarikh 8 Mac 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 4.1 & m/s 6	Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim	Kertas Makluman – Penggunaan Bil Utiliti Balai Masyarakat dan Kabin MPP Februari 2022	<p>Beliau mencadangkan bagi jadual penggunaan bil utiliti, ruangan kolum jumlah pembayaran sepatutnya diletakkan kuota pembayaran setiap MPP.</p> <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat meminta urus setia mesyuarat membuat pembetulan terhadap cadangan tersebut.</p> <p>Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
2.	Para 4.2 & m/s 7	Puan Lee Jen Uyin	Kertas Makluman – Pengurusan Bahagian Perpustakaan 2021	Beliau mencadangkan pemilihan lokasi perpustakaan adalah di tempat tumpuan ramai dan strategik contohnya di pusat membeli belah.
3.		Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim		<p>Beliau mencadangkan supaya pihak Jabatan melaksanakan kerjasama sinergi bersama Perbadanan Perpustakaan Awam Selangor bagi berkolaborasi berkenaan program dan perancangan berkenaan perpustakaan.</p> <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat meminta Jabatan mengkaji cadangan yang telah diberikan.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat</p>

6.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 2/2022 bertarikh 9 Mac 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan dan Kemudahan Awam Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 4/2022 bertarikh 14 Mac 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil.3/2022 bertarikh 15 Mac 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 3.1 & m/s 3	Encik M. Anbarasan a/l Murugesu	Cadangan lokasi depoh baru kenderaan buruk untuk Zon 20	<p>Beliau memaklumkan cadangan lokasi depoh baharu adalah di kawasan Seri Kembangan dan memohon agar pindaan terhadap minit dilaksanakan.</p> <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat meminta supaya urus setia Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan membuat pindaan minit mesyuarat.</p> <p>Tindakan : Jabatan Pelesenan</p>
2.	Para 10.2 & m/s 13	Encik Yap Kok Weng	Hal-hal lain	<p>Beliau memaklumkan bahawa Majlis telah mula meluluskan <i>mix development</i> iaitu terdapat campuran bagi aktiviti perniagaan serta perumahan dalam kawasan</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>yang sama. Oleh itu beliau mencadangkan supaya dasar bagi semua aktiviti yang mempunyai syarat berkaitan jarak dengan kawasan kediaman perlu dikaji semula.</p> <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat meminta supaya Jabatan Pelesenan membuat kajian di lapangan seterusnya mengetengahkan cadangan ini di peringkat Kerajaan Negeri untuk dijadikan dasar kepada Pihak Berkuasa Tempatan.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Pelesenan</p>

6.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 3/2022 bertarikh 17 Mac 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 5.1 & m/s 4	Encik Yap Kok Weng	Kertas cadangan lokasi tempat letak kereta 2 jam Majlis Bandaraya Subang Jaya	Beliau memaklumkan bahawa pelaksanaan parkir 2 jam akan dilaksanakan pada bulan Jun 2022 namun bermula 1 April 2022 Majlis akan menggunakan aplikasi Smart Selangor Parking (SSP) untuk melaksanakan pembayaran parkir kereta. Oleh itu, beliau mencadangkan supaya pihak Majlis membuat pemakluman dan hebahan berkaitan perkara tersebut. Maklum balas mesyuarat: Mesyuarat memaklumkan

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>bahawa, Majlis akan membuat kenyataan media serta hebahan menyeluruh berhubung pelaksanaan aplikasi Smart Selangor Parking di MBSJ</p> <p style="text-align: center;">Tindakan : Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik</p>
2.		Puan Lee Jen Uyin		<p>Beliau memaklumkan bahawa pihak agen melahirkan kebimbangan apabila pengguna menggunakan aplikasi untuk pembayaran parkir. Pihak agen memohon supaya kupon parkir yang masih belum terjual dapat ditukarkan kepada wang tunai.</p> <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat memaklumkan bahawa pihak SSDU akan</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>menganjurkan satu siri program penukaran kupon parkir kereta bagi membolehkan orang awam menukarkan kupon kertas gores kepada aplikasi SSP di lokasi berikut :</p> <ul style="list-style-type: none">i) Dewan Serbaguna MBSJ SS15 pada 26-28 Mac 2022ii) Dewan Sivik MBPJ pada 2-3 April 2022iii) Dewan Jenjarum MBSA Seksyen 11 pada 9-10 April 2022. <p>Bagi cadangan yang dikemukakan oleh pihak agen, mesyuarat memutuskan supaya perkara ini dimajukan kepada pihak SSDU untuk diperincikan.</p> <p style="text-align: right;">Tindakan : Jabatan Perbendaharaan</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
3.	Para 5.12 & m/s 19	Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali	Lantikan ahli Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Papan iklan Luaran Majlis Bandaraya Subang Jaya bagi Sesi 2022-2023	<p>Beliau memaklumkan bahawa ahli Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Papan iklan Luaran Majlis Bandaraya Subang Jaya bagi Sesi 2022-2023 adalah 4 orang sahaja yang terdiri daripada ahli Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan. Beliau memohon pindaan terhadap minit mesyuarat dibuat.</p> <p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat meminta urus setia Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan membuat pindaan terhadap bilangan ahli Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Papan iklan Luaran Majlis Bandaraya Subang Jaya bagi Sesi 2022-2023</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				daripada 5 orang kepada 4 orang sahaja. Tindakan : Jabatan Perbendaharaan

6.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya bil. 2/2022 bertarikh 18 Mac 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima laporan dan keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut :

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 8.2 & m/s 14	Encik Thomas Low Yew Sin	Hal-hal lain	Beliau memaklumkan bahawa lokasi cantasan pokok adalah di Jalan BPU 2 dan BPU 5. Oleh itu, mohon ditambahkan dalam minit mesyuarat lokasi Jalan BPU 2.

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>Maklum balas mesyuarat:</p> <p>Mesyuarat meminta urus setia Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar membuat pindaan terhadap minit mesyuarat dengan penambahan lokasi BPU 2.</p> <p>Tindakan : Jabatan Kesihatan</p>

7.0 UCAPAN PENANGGUHAN

Ucapan penangguhan telah disampaikan oleh Encik Muhammad Fauzan bin Rosli, wakil daripada Parti AMANAH.

8.0 PENUTUP

Datuk Bandar mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 11.30 pagi.

Tarikh Disediakan : 25 Mac 2022

" SELANGOR MAJU BERSAMA "

" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "

Disediakan oleh;

.....
(HJ. MOHD ZULKURNAIN BIN CHE ALI), A.M.N., A.M.S.

Timbalan Datuk Bandar

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

.....
(DATO' JOHARY BIN ANUAR), D.P.M.S

Datuk Bandar

MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

LAMPIRAN

HADIR DI PEJABAT

- | | | | |
|----|--|---|-------------------------------------|
| 1. | YBhg. Dato' Johary bin Anuar, D.P.M.S.
Datuk Bandar | - | Pengerusi |
| 2. | YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S.
Timbalan Datuk Bandar | - | Setiausaha
Mesyuarat |
| 3. | Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, K.M.N., P.J.K.
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan | - | Timbalan
Setiausaha
Mesyuarat |

HADIR (AHLI MAJLIS) DI PEJABAT

- | | | | |
|----|---|---|-------------|
| 1. | Encik Yap Kok Weng | - | Ahli Majlis |
| 2. | Encik M. Anbarasan a/l Murugesu | - | " |
| 3. | Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj. Yeop Hashim | - | " |
| 4. | Encik Chia Yew Ken | - | " |
| 5. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi | - | " |
| 6. | Encik Thomas Low Yew Sin | - | " |
| 7. | Encik Thamilarusu a/l Sandayan | - | " |
| 8. | Encik Wong Yii Seang | - | " |
| 9. | Puan Lee Jen Uyin | - | " |

10.	Puan Ng Seow Chen	-	"
11.	Encik Thong Kim Fatt	-	"
12.	Encik Muhammad Khairil bin Khalid	-	"
13.	Encik Teh Eng Teck	-	"
14.	Encik Mohd Fitri bin Jamaludin	-	"
15.	Puan Aniza binti Jamaludin	-	"
16.	Encik Mohamad Syafiq bin Mohamad Norizan	-	"
17.	Encik Kenneth Sam a/l Saminathan	-	"
18.	Cik Syafiqa binti Zakaria	-	"
19.	Encik Jestin Raj Savarimuthu	-	"
20.	Encik Muhammad Fauzan bin Rosli	-	"
21.	Encik Mohamad Kamil bin Harun	-	"

TURUT HADIR (PEGAWAI MBSJ)- PEJABAT

1. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, A.M.S.
Pengarah, Jabatan Kesihatan
2. TPr Ismail bin Muhamad, A.I.S
Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar

3. Puan Hjh. Anita binti Abd Jalil, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
4. Sr. Aida binti Omar, A.M.S., MRISM
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
5. Encik Muhammad Azli bin Miswan
Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
6. Puan Nik Zalina binti Megat Muda
Pengarah, Jabatan Pelesenan
7. Puan Hjh. Sharifah Rohaida binti Abd Rahman, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Hasil
8. Ts Azura Binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
9. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
10. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
11. Encik Farid bin Ibrahim
Pengarah, Jabatan OSC
12. Sr. Mohd Marwan bin Khalilludin
Pengarah, Jabatan COB
13. Puan Azlina Binti Mat Salim
Penolong Pengarah (Kanan), Jabatan Landskap
14. Puan Emilia binti Nasir
Penolong Pengarah, Unit Integriti
15. Encik Mazrul Zahar bin Mohd
Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Penguatkuasaan

16. Encik Mohd Nor Affandi bin Isa
Penolong Pengarah, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan
17. Encik Mohd Fadil bin Alos
Penolong Pengarah, Unit Audit Dalam
18. Encik Mohamad Asmadi bin Nor Hatim
Penolong Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
19. Encik Mohd Hazrai bin Abd Wahid
Penolong Pegawai Senibina Kanan, Jabatan Bangunan

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

1. Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh - Ahli Majlis
2. Encik Mohd Tarmizi bin Lazim - "
3. Encik Jaafar bin Mat Akid - "
4. Tuan. Hj. Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N., A.M.S.
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
5. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
6. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Bangunan
7. Puan Hj. Noraziah binti Ali, K.M.N., P.J.K.
Pengarah, Unit Audit Dalam
8. Sr Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan

URUSETIA

1. Encik Ismail bin Salim, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Mazura binti Mohamad
Penolong Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Puan Juliana binti Jaafar
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan